

Terbitan konvensional tiga bulan RM350 juta

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd semalam membuat terbitan kertas komersial konvensional bagi tiga bulan sebanyak RM350 juta, terbitannya yang ke-18 untuk tahun ini, hasilnya akan digunakan untuk membiayai pembelian gadai janji daripada sistem kewangan.

Penerbitan itu dibuat secara strategik sebelum Mesyuarat Dasar Monetari Kelima Bank Negara Malaysia yang akan berlangsung dua hari selepas hari penetapan

harga, kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong dalam satu kenyataan.

"Perjanjian itu berjaya diselesaikan menerusi penempatan swasta dan mencapai harga kompetitif lima mata asas di bawah Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan yang sepadan.

"Kami gembira melihat bahawa terbitan jangka pendek syarikat terus mendapat permintaan tinggi memandangkan permin-

taan bagi instrumen pendapatan tetap mata wang tempatan kekal kukuh dalam pasaran modal domestik.

"Kesimpulan terbitan ini membawa jumlah terbitan syarikat setakat ini pada tahun ini sebanyak RM5.9 bilion," tambahnya.

Kertas itu, yang akan ditebus pada nilai nominal penuh mereka pada masa matang, adalah obligasi tidak bercagar syarikat, kedudukan setara antara mereka dan dengan semua obligasi tidak

bercagar sedia ada yang lain.
— BERNAMA

**PRESIDEN/Ketua
Pegawai Eksekutif Datuk
Chung Chee Leong**

